

KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)

LAPORAN SIASATAN EAIC KES KEMATIAN KLIEN DI PUSPEN BATU KURAU, PERAK

**UNTUK SIARAN SEGERA
28 NOVEMBER 2025**

EAIC telah menjalankan siasatan berhubung aduan kes kematian seorang klien di dalam Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN), Agensi Antidadah Kebangsaan Malaysia (AADK), Batu Kurau, Perak pada 14 Mac 2025. Siasatan ini dijalankan selaras dengan subseksyen 27(4) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*].

HASIL SIASATAN

Hasil siasatan mendapati bahawa Unit Integriti AADK telah mengambil tindakan tatatertib sewajarnya terhadap pegawai dan kakitangan yang terlibat selaras dengan prosedur dalaman agensi.

Sehubungan itu, EAIC merujuk hasil siasatan ini kepada Ketua Jabatan AADK berserta cadangan penambahbaikan berikut:

(a) Penambahbaikan Prosedur Kemasukan dan Pengurusan Kesihatan Klien

Memperkemas Perintah Tetap Ketua Pengarah AADK, khususnya BAB D01: *Kemasukan Klien ke Pusat Pemulihan* dan BAB D10: *Bilik Rawatan, Perubatan dan Klinikal*. Penambahbaikan ini bertujuan mengukuhkan pengurusan serta pemantauan kesihatan klien, termasuk aspek pengendalian dan pemberian ubat kepada klien yang dimasukkan ke pusat pemulihan;

(b) Pemantauan Naziran Menyeluruh di Semua PUSPEN

Menjalankan naziran secara menyeluruh semua PUSPEN di seluruh negara bagi memantau pelaksanaan tugas, mengenal pasti masalah yang dihadapi serta memastikan pematuhan berterusan terhadap SOP; dan

(c) Latihan dan Kursus Penyegaran Berterusan kepada Kakitangan PUSPEN

Melaksanakan kursus, latihan dan/atau kursus penyegaran (*refresher course*) secara komprehensif kepada semua kakitangan PUSPEN berkaitan SOP, Garis Panduan, Dasar, Arahan Tetap serta tatacara perkhidmatan, penguatkuasaan dan operasi kakitangan AADK, bagi memastikan kefahaman dan pematuhan.

#TAMAT#

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
PUTRAJAYA**